




# **BULETIN DBKL JULAI - SEPTEMBER**


# **2023**





# JULAI 2023

[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)





**MIGRASI METER PUKAL KE METER INDIVIDU** SIRI 20  
- KAEDAH PERMOHONAN DAN ISU-ISU SEMASA  
ISNIN | 03.07.2023 | 10.00 AM

Moderator: Wan Norhazwani Idayu Binti Wan Suhaimi  
Panel: R. Krishnamoorthi

www.dbkl.gov.my

Siaran Melalui Laman Facebook Rasmi DBKL: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

## COFFEE TALK COBKL / PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA

03 Julai 2023 (Isnin) | 10.00 pagi

Adakah JMB/MC/Pemilik wajib laksanakan migrasi meter pukal ke meter individu?  
Adakah bangunan komersil juga boleh laksanakan migrasi?  
Berapa kos migrasi dan apakah kos tsrlibat?  
Bolehkah migrasi meter dilaksanakan secara individu atau beberapa orang pemilik?  
Ada kerja pembaikan perlu dibuat sebelum migrasi. Apakah kerja tersebut dan berapa kos?

Saksikan Bual Bicara Coffee Talk COBKL Siri 20 bersama Encik R. Krishnamoorthi, Assistant Vice President II, Air Selangor.


<https://www.facebook.com/dbkl2u?mibextid=ZbWKwL>

## WARGA KERJA DBKL SERTAI PROGRAM QURBAN MADANI 1444H

1 JULAI 2023

Sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan sebagai tanda rasa syukur di atas nikmat yang telah dikurniakannya, sebahagian warga kerja DBKL pada hari ini telah melaksanakan ibadah korban pada Program Qurban Madani 1444H anjuran Persatuan Kakitangan Islam DBKL (KESEDARAN) bertempat di Menara Penguatkuasa, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Sebanyak 22 ekor lembu telah dikorbankan dan daging-daging tersebut telah diagihkan kepada mereka yang berhak serta warga kerja DBKL. Program Qurban Madani ini diserikan lagi dengan kehadiran YB Dato' Seri Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Datuk TPr Sulaiman Bin Mohamed, Pengarah Eksekutif Perancangan, YBhg. Datuk Hj Azmi Abdul Hamid, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi, YBrs. En Azman bin Abidin, Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri serta YBrs. Tuan Hj Hanif bin Nordin, Naib YDP KESEDARAN. Semoga amal ibadah yang telah dijalankan ini diterima oleh Allah S.W.T.



**ANUAR SHARIFF**  
Business Growth Consultant

# SEMINAR PROGRAM IKON USAHAWAN

*Siapa kata jualan produk Peniaga Kecil tak laris?*

**29 Julai 2023 (SABTU)**

Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur.

Penceramah / Influencer Jemputan:  
**BOSS JAMES**

Adakah anda mengalami masalah-masalah seperti ini?

**MASALAH PENIAGA KECIL**

- Produk tiada penjenamaan.
- Rasa makanan tidak konsisten.
- Pemasaran Digital tidak efektif.
- Tiada rancangan kewangan.
- Tiada kesinambungan perniagaan.

Pengurusan perniagaan bukan hanya fokus kepada produk dan lokasi sahaja! Dengan menerapkan transformasi minda 'Growth Mindset', anda bukan hanya melonjakkan jualan, malah memberi kesedaran terhadap pemasaran, penjenamaan, operasi bisnes, aliran tunai dan dapat mewariskan bisnes kelak nanti.

Sertai Program Ikon Usahawan untuk mendapatkan manfaat seperti berikut:

**MANFAAT PROGRAM**

- Membina penjenamaan yang boleh dikenal.
- Bina produk yang pelanggan mahu.
- Membangunkan pemasaran Digital yang efektif.
- Rancangan kewangan yang mudah diaplikasikan.
- Transformasi minda untuk kesinambungan perniagaan.

**TERBUKA KEPADA SEMUA PEMEGANG LESEN PERNIAGAAN**

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

DAFTAR SEKARANG

QR CODE

**PENYERTAAN PERCUMA**

## SEMINAR PROGRAM IKON USAHAWAN

29 Julai 2023

Ada yang terlepas Siri 1 dan Siri 2? Jangan risau, kita bawakan lagi sekali Seminar Ikon Usahawan Siri 3 yang akan berlangsung pada 29 Julai 2023 bertempat di Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak.

Jadi kepada semua warga kota, jom bersama-sama kita menimba ilmu mengenai keusahawanan yang akan disampaikan oleh Saudara Anuar Shariff, Business Growth Consultant dan istimewa bagi sesi ini, kita bawakan Boss James seorang usahawan berjaya dan influencer terkenal di dunia permotoran.

Jangan lepaskan peluang ini, imbas QR Code yang tertera untuk mendaftar.

Penyertaan adalah percuma

[KARL Cromok](#)  
[Boss James](#)  
[#KLBandarUntukSemua](#)  
[#bandarmampanbandarsejahtera](#)

## PROGRAM 1KOMUNITI 1KITAR SEMULA (1C1R)

14.7.2023 (Jumaat) | 10.00 pagi-12.00 tgh

Anda mempunyai barang yang boleh dikitar semula?  
Anda ingin menukarkannya dengan barang dapur?  
Jom! Sertai kami dalam Program 1Komuniti 1Kitar Semula (1C1R) di lokasi berikut:

Lokasi : Tempat Letak Kereta, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut  
Jenis barang yang boleh dikitar semula :

Tin aluminium Besi Kertas Plastik Minyak masak terpakai

**1KOMUNITI 1KITAR SEMULA (1C1R)**

**JOM**

**1. BAWA**  
Bawa barang kitar semula anda kepada KIOS 3R DBKL untuk dapatkan insentif.

**2. TUKAR**  
Kumpul dan Tukar mata ganjaran bagi setiap barang kitar semula yang dibawa.

**3. DAPAT**  
Dapatkan insentif barang-barang asas makanan seperti susu pekat, gula, tepung gandum dan minyak masak.

**TEMPAT**  
TEMPAT LETAK KERETA,  
MENARA DBKL 1

**TARIKH**  
14 JULAI 2023 (JUMAAT)

**MASA**  
10 PAGI - 12 TENGAHARI

**ANJURAN**  
JABATAN KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
Bahagian Alam Sekitar  
Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

03-92060250  
alamsekitarjka@dbkl.gov.my

#KlarKuta #BersihMindah #KLBandarUntukSemua

**Ayuh! Jadikan amalan kitar semula sebagai budaya dalam hidup anda dan jimatkan perbelanjaan dapur anda. Kakitangan berdekatan dijemput bersama-sama menyertai program ini**



## KERAJAAN PUSAT SALUR DANA KEPADA DBKL BAGI KERJA-KERJA PENGGANTIAN LIF

6 JULAI 2023

Berita baik buat warga Perumahan Awam (PA)/ Projek Perumahan Rakyat (PPR) DBKL . Pagi ini dalam satu majlis ringkas bertempat di PPR Seri Malaysia, YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan penyaluran dana khas sebanyak RM33.6 juta di bawah inisiatif Belanjawan Madani 2023, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada DBKL. Suntikan dana ini adalah bertujuan bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian 56 unit lif di 5 lokasi PA/ PPR iaitu di PA Desa Rejang, PA Seri Pangkor 1, PA Seri Pangkor 2, PA Seri Terengganu dan PPR Bukit Jalil. Selain itu peruntukan sebanyak RM3.28 juta juga diperuntukkan bagi penggantian lif di PPR Seri Malaysia. Ini merupakan langkah susulan yang diambil oleh pihak kementerian susulan dari keprihatinan yang disuarakan oleh YAB Perdana Menteri demi kesejahteraan penduduk.

Dalam ucapannya Menteri KPKT turut mengingatkan semua warga PA/ PPR agar sentiasa menjaga keharmonian di dalam kehidupan berbilang kaum serta memelihara keselesaan dan keselamatan penduduk. Dalam pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan ini, penduduk juga kenalah beringat.. jagalah kemudahan yg disediakan dengan baik. Tidak membuat tingkahlaku vandalisme seperti buang air kecil dalam lif dan bawa motor naik lif seperti yang kecoh diperkatakan sebelum ini .

Turut hadir di majlis yang sama adalah YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, YBhg. Datuk Sr. Kamarulzaman Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur serta YBrs. Tuan Hj. Suhaimi Ali @ Ahmad, TKSU KPKT.

[#MalaysiaMadani](#)  
[#KLBandarUntukSemua](#)  
[#bandarmampanbandarsejahtera](#)

## DBKL KONSISTEN CEGAH DENGGI

14 Julai 2023

Unit Kawalan Vektor (UKV), Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar (JKAS) pada 14 Julai 2023 yang lepas telah menjalankan aktiviti pemantauan wabak hotspot denggi yang dikenali sebagai Dengue Control And Surveillance (DCAS) bersama dengan Pejabat Kesihatan Parlimen di Kuala Lumpur.

Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk menyelesaikan kes demam denggi yang berpanjangan.

Hasil daripada aktiviti tersebut mendapati Lokaliti Desa Putra Condominium telah mencatatkan kes demam denggi sebanyak 25 kes dan telah memasuki hari ke- 74 wabak. Terdapat 10 tempat pembiakan telah dijumpai di kawasan tersebut.

Antara tempat pembiakan yang dijumpai adalah seperti di bahagian bawah kompressor penyaman udara, di dalam pelapik pinggan mangkuk di dalam kolam ikan yang tidak digunakan dan juga di bahagian penapis kolam.

Selain itu, lokasi lain turut menyumbang kepada kenaikan kes demam denggi adalah di Stesen LRT Sri Rampai yang terdapat pembiakan di road barrier, longkang dan di dalam pam tandas OKU. Malahan, tapak binaan turut diperiksa dan telah ditutup sebelum ini, berikutan penemuan pembiakan melampau di kawasan tersebut.

Aktiviti seperti ini akan diteruskan lagi di kawasan lain dari semasa ke semasa untuk memastikan wabak denggi ini dapat dicegah.

Ayuh warga kota, jagalah kebersihan rumah anda, pastikan penapis air, pelapik pinggan mangkuk dan pam tandas tiada pembiakan jentik-jentik nyamuk. Ambil masa seketika setiap hari untuk periksa rumah anda dari pembiakan jentik-jentik nyamuk.





## KL CAR FREE MORNING EDISI 16 JULAI 2023

16 JULAI 2023

#KLBandarUntukSemua  
#bandarmampanbandarsejahtera

## TINDAKAN PENGUATKUASAAN DIKENAKAN TERHADAP PREMIS-PREMIS


Pada 18 Julai 2023 (Selasa) | 11.00 PAGI

Pengusaha premis makanan perlu lebih peka dan bertanggungjawab. Pada 18 Julai 2023 (Selasa) sekitar jam 11 pagi telah dilaksanakan Operasi Khas Kesihatan Persekitaran di Jalan Berangan / Jalan Angsoka, Bukit Bintang. Operasi oleh Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL ini diketuai oleh Encik Nazeri bin Ibrahim dengan kekuatan 13 orang kakitangan. Sejumlah 9 premis telah dilawati dan diperiksa. Hasil daripada pemeriksaan, 6 premis telah dikenakan tindakan kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016 dan 3 premis diambil tindakan penutupan di bawah UUK 28(1) UUKPPM (WPKL) 2016.

Tindakan penguatkuasaan dikenakan terhadap premis-premis terbabit kerana gagal mematuhi kehendak-kehendak kesihatan seperti:

- Perangkap minyak tidak diselenggara dengan sempurna;
- Tiada suntikan typhoid dan Kursus Asas Pengendali Makanan;
- Lantai dapur kotor dan berdaki hitam;
- Rak dan perkakas kotor, berdaki hitam dan tidak diselenggara;
- Bahagian belakang premis terdapat limpahan air kumbahan yang mengalir ke laluan awam dan berbau busuk; dan
- Terdapat sampah-sarap di lorong belakang premis yang dibiarkan tanpa dibersihkan.

DBKL akan meneruskan tindakan seumpama ini dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi kehendak-kehendak kesihatan yang telah ditetapkan. Orang awam disarankan memberi kerjasama dengan menyalurkan aduan ke ADU@KL jika terdapat premis makanan yang berada pada tahap yang tidak memuaskan. DBKL juga akan meminta kerjasama pihak Indah Water Konsortium dan SW Corp bagi memastikan lurang-lurang dan lorong belakang yang kotor dapat dibersihkan dengan kadar segera.





## **35 WARGA DBKL HADIR KE MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN**

19 Julai 2023

Sekitar Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1445H/2023 yang telah berlangsung di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur pada 19 Julai 2023. Seramai 35 kakitangan DBKL segak berbaju Melayu biru hadir ke majlis tersebut

## **DBKL JALIN KERJASAMA DENGAN GLOBAL DESIGNING CITIES INITIATIVE (GDCI)**

20 Julai 2023

Dalam usaha bersama untuk meningkatkan keselamatan jalan raya, DBKL telah bekerjasama dengan Global Designing Cities Initiative (GDCI), rakan kongsi di bawah Bloomberg Philanthropies Initiative for Global Road Safety (BIGRS), untuk menganjurkan Program Latihan Rekabentuk Keselamatan Jalan "Fundamentals of Safer Streets" bagi para jurutera DBKL.

Seramai 50 orang jurutera DBKL berkesempatan mempelajari alat, strategi dan prinsip untuk mereka bentuk dan melaksanakan projek jalan yang selamat dan mampan di Kuala Lumpur berdasarkan Global Street Design Guide yang telah mendapat pengiktirafan. Melalui penerapan prinsip-prinsip ini, DBKL berhasrat untuk mengubah jalan-jalan Kuala Lumpur menjadi persekitaran yang mesra pejalan kaki dan mesra penunggang basikal sambil memastikan sistem pengangkutan awam yang cekap.

Program latihan ini dilaksanakan pada 20 Julai 2023 bertempat di Dewan Megapuri, Menara DBKL 1. Turut hadir adalah Tuan Sugumaran A/L S.Shanmugam, Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar DBKL. Latihan ini melibatkan pembentangan interaktif dan aktiviti bengkel amali, akan menjadi kohort pertama untuk jurutera dari 9 jabatan teknikal DBKL.





# OGOS 2023

[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)





## OPERASI PENGUATKUASAAN PREMIS MAKANAN

1 Ogos 2023 (Selasa) | 10.00 pagi

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL telah melaksanakan Operasi Penguatkuasaan Premis Makanan ke atas premis makanan dan minuman di kawasan Parlimen Batu yang meliputi Kompleks Sungai Mas, Taman Kok Lian dan Taman Mastiara.

Operasi oleh Pejabat Kesihatan Parlimen Batu, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL ini diketuai oleh Ketua Pejabat Kesihatan DBKL Parlimen Batu dengan kekuatan 4 orang kakitangan.

Sejumlah 12 premis telah dilawati, namun 3 premis tidak beroperasi dan hanya sebanyak 9 sahaja premis diperiksa. Hasil daripada pemeriksaan, satu (1) premis telah dikenakan tindakan Arahan penutupan di bawah UUK 28(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan WPKL 2016. Manakala sebanyak 8 notis kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah undang-undang kecil yang sama.

Tindakan penguatkuasaan dikenakan terhadap premis-premis terbabit kerana gagal mematuhi kehendak-kehendak kesihatan seperti:

- Terdapat kesan urungan tikus (najis) dan serangga perosak di ruang dapur.
- Aktiviti penyediaan makanan dan pencucian pinggan mangkuk di luar premis.
- Lantai dan dinding di ruang dapur dalam keadaan kotor.
- Bahan makanan diletakkan kurang 20CM dari paras lantai.
- Alat perangkap minyak tidak dilengkapi dan diselenggara dengan baik dan berkala.
- Alat pemasangan seperti kipas penyedut asap dan lampu dalam keadaan kotor.
- Peti sejuk dalam keadaan kotor.
- Pengendali makanan tidak mendapat suntikan tifoid dan kursus pengendali makanan.
- Pengendali makanan tidak memakai penutup kepala, apron dan kasut semasa mengendalikan makanan.

DBKL akan meneruskan tindakan seumpama ini dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi kehendak-kehendak kesihatan yang telah ditetapkan.

## PROGRAM KL STREET JAM

5 OGOS 2023 (SABTU) | 9.00 p.m - 11.00 p.m


LOKASI : JLN RAJA, DATARAN MERDEKA

Program 'KL Street jam' adalah satu program hiburan santai dari artis-artis terkenal tanah air yang dipentaskan secara percuma kepada warga kota serta pelancong-pelancong asing yang datang melawat Kuala Lumpur bagi mempromosi dan memperkenalkan Dataran Merdeka sebagai pusat apresiasi seni bagi aktiviti-aktiviti seni dan budaya di Kuala Lumpur.

Program anjuran Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan & Sukan (CATS) DBKL pada kali ini akan dijayakan oleh beberapa artis terkenal tanah air antaranya Shafiq Farhan, Umarul IKLIM, Alim KRIS, Datin Ramziela, Shafie RIO bersama Kombo Budaya dan Artis Budaya DBKL.

Sempena dengan Kempen Kibar Jalur Gemilang, program KL Street Jam yang diadakan pada bulan juga akan diserikan lagi dengan beberapa pengisian lagu-lagu patriotik bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan yang ke-66.

Jom kita hadir beramai-ramai menyaksikan KL Street Jam pada 5 Ogos ini dan membawa serta mengibarkan Jalur Gemilang bagi meraikan sambutan Bulan Kebangsaan ke-66. Sebanyak 30 buah Foodtruck turut disediakan.





# DBKL EDAR 32,500 JALUR GEMILANG SEMPENA HARI KEBANGSAAN

5 OGOS 2023

Sekitar Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur di Lobi Menara 1 DBKL pada pagi tadi. Sempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2023, DBKL telah mengedar 32,500 bendera pelbagai saiz kepada wakil agensi kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan (NGO), Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), persatuan penjaja dan peniaga, pemandu teksi, penghantar makanan dan pemandu-pemandu kenderaan milik DBKL. Selain itu, bagi menyemarakkan lagi sambutan pada tahun ini, pelbagai program telah dirangka DBKL seperti Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat DBKL yang telah berlangsung pada 31 Julai 2023, KL Street Jam yang telah diadakan pada 5 Ogos 2023, Program KL Car Free Morning Edisi Khas Merdeka yang telah berlangsung pada 6 Ogos 2023, Karnival Bola Sepak Perumahan DBKL @ DBKL Home Cup 2023 edisi kedua yang akan berlangsung sepanjang bulan Ogos dan September, Pertandingan Mewarna sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada 13 Ogos 2023 di Stadium Titiwangsa, Program Derma Darah di lobi Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah pada 16 Ogos 2023 dan Konsert Ambang Merdeka di Dataran Merdeka pada 30 Ogos 2023. Hadir sama ke majlis tersebut adalah pengurusan tertinggi DBKL, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, pengarah jabatan DBKL serta warga kerja DBKL. Ayuh warga kota, jom bersama-sama kita mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman dan premis masing-masing bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini.

# PENCAPAIAN 100 HARI DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

17 APRIL 2023 sehingga 28 JULAI 2023

Meneruskan tanggungjawab untuk memacu pentadbiran dan tata kelola Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan baik bagi memastikan penduduk di ibu kota terus memberi kepercayaan kepada DBKL, merupakan amanah yang perlu digalas oleh setiap individu yang dilantik ke posisi Datuk Bandar Kuala Lumpur. Selain itu aspirasi untuk mewujudkan sebuah bandaraya bertaraf dunia dengan mengambilkira keperluan setiap lapisan masyarakat yang menjadi warganya juga merupakan cabaran yang perlu ditangani dengan sebaiknya. Aspek kesejahteraan bandar perlu dititik beratkan bersesuaian dengan gagasan Malaysia Madani yang diketengahkan oleh YAB Perdana Menteri ke-10.

Justeru itu, penetapan dasar serta polisi yang jelas dan teratur merupakan elemen yang penting untuk dititik beratkan dengan memberi tumpuan terhadap penyediaan kemudahan, infrastruktur yang mencukupi di samping mengambil kira isu-isu perbandaran demi keharmonian dan kesejahteraan warganya.


Mengambilkira soal ini, beberapa aspek penting seperti pengurusan trafik, tindakan penguatkuasaan serta kesejahteraan bandar telah diberi tumpuan dan penekanan dalam tempoh 100 hari pertama YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu mulai 17 April 2023 sehingga 28 Julai 2023. Ikuti pencapaian 100 hari beliau berdasarkan kepada infografik yang disediakan.

#DatukBandarKualaLumpur

**PENCAPAIAN 100 HARI**  
DATUK Sr HAJI KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH  
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR



<b>TADBIR URUS CEMERLANG</b> 09	<b>10 PEMANTAPAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN</b>	<b>01 PENGURUSAN TRAFIK YANG BERKESAN</b>
<b>08 PRIHATIN KEBAJIKAN WARGA KERJA DBKL</b>	<b>02 PENGUATKUASAAN BERHEMAH &amp; BERINTEGRITI</b>	<b>03 PELAKSANAAN BANDAR SEJAHTERA</b>
<b>07 PEMERKASAAN KE ARAH BANDAR RAYA RENDAH KARBON</b>	<b>05 PENGURUSAN CERUN YANG EFISIEN</b>	<b>04 INISIATIF DBKL BERTERASKAN MALAYSIA MADANI</b>
<b>06 MITIGASI BANJIR</b>		



# SEPTEMBER 2023

[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

## Mailis Sumbangan

# Bencana



### **DATUK BANDAR SAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA MANGSA INSIDEN BUMBUNG RUNTUH DI KUCHAI LAMA**

1 september 2023

Bagi meringankan beban kepada mangsa insiden bumbung runtuh di Kuchai Entrepreneur Park pada 15 Ogos yang lepas, pada hari ini telah diadakan Majlis Sumbangan Bencana bertempat di Kompleks Tun Abdul Ghafar @ Seputeh, Jalan Kuchai Lama.

Seramai 9 orang penerima telah menerima sumbangan tersebut yang telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YB Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh serta pengarah-pengarah jabatan dalaman DBKL.

## **SAMPAI BILA NAK TERTUNGGAK BAYARAN SEWA?**

2 september 2023

Isu penyewa Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang culas membayar sewa bukanlah isu yang baru. Berbagai alasan diberi dalam keadaan DBKL telah membuka ruang untuk mereka ini datang berbincang. Dah bagi ruang tapi tak mahu pula datang berbincang.

Jadi DBKL melalui Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) sedang melaksanakan Operasi Kunci Air (OKA) ke atas penyewa-penyewa yang bertunggakan sewa ini. JPKKB telah melaksanakan di 2 kawasan PA/PPR iaitu PPR Perkasa dan PPR Seri Alam dan akan meneruskan OKA di kawasan-kawasan lain juga. Pelbagai usaha telah dibuat bagi memberi ruang kepada penyewa yang mempunyai tunggakan ini bagi menjelaskan bayaran sewa yang tertunggak.

Tindakan seperti mengeluarkan hebahan serta notis, ditambah pula sesi bersemuka dan pembukaan kaunter bergerak di kawasan PA/PPR telah dilaksanakan. Ia bertujuan bagi memudahkan penyewa berunding untuk menstrukturkan bayaran bagi menjelaskan tunggakan. Pembukaan kaunter bergerak pula adalah bagi memudahkan urusan pembayaran penyewa terutama penyewa yang bertunggakan.

Setelah segala usaha dibuat, tindakan kunci air dikenakan ke atas penyewa-penyewa yang masih berdegil untuk tampil berunding bagi menyelesaikan tunggakan walaupun pelbagai peringatan dan peluang diberikan. DBKL memandang serius perkara ini dan akan memperluaskan OKA di unit-unit yang bertunggakan di semua kawasan PA/PPR bagi mengesan para penyewa yang culas membayar sewa.

Jadi kepada penyewa-penyewa yang ada tunggakan bayaran sewa tu dan belum dikenakan tindakan, selesaikan segera bayaran tertunggak tersebut. Ramai di luar sana yang menanti bertahun-tahun tapi masih tidak berpeluang untuk mendiami rumah PA/ PPR yang diuruskan oleh DBKL. Anda yang dah dapat, culas pula membayar sewa. Jelaskan tunggakan sebelum tindakan kunci air dikenakan yang pasti akan menimbulkan kesulitan nanti.

Bayar Sewa, Jelas Tunggakan, Elak Tindakan.





**PERDANA MENTERI LANCARKAN  
PROGRAM LESTARI NIAGA@KUALA LUMPUR D'MEDAN SELERA MADANI  
KOMPLEKS TUN SAMBANTHAN**

**4 september 2023**

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, pada hari ini telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Lestari Niaga @ Kuala Lumpur D'Medan Selera Madani Kompleks Tun Sambanthan, Brickfields.

Terdapat 6 pusat penjaja dan gerai milik DBKL di kawasan Brickfields iaitu di Kompleks Tun Sambanthan, Medan Selera Tempat Letak Brickfields, Kedai Bunga Little India, Kedai Burung Little India, Little India Seri Kota dan Kedai Bunga di Jalan Scott.

Pada tahun ini, pihak DBKL melaksanakan kerja-kerja pengindahan di dua lokasi iaitu D'Medan Selera MADANI Kompleks Tun Sambanthan (dahulunya dikenali dengan nama Pusat Penjaja Kompleks Tun Sambanthan) dan Kedai Bunga Little India, Brickfields yang melibatkan sejumlah 71 peniaga.

Kerja-kerja pengindahan yang dilaksanakan oleh DBKL termasuk pengindahan fasad, penambahbaikan bumbung, kerja - kerja mengecat semula bangunan dan mengecat mural, penggantian kipas dan lampu yang baru, penggantian paip-paip air dan pemasangan papan tanda.

Hadir bersama dalam majlis tersebut adalah YB Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, YBhg Datuk Seri Hj. Rosida binti Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan dan YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur

# DBKL JUARA !

**9 sept 2023**

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Kontinjen DBKL di atas kejayaan menjadi juara keseluruhan kejohanan Sukan Badan Berkanun 2023 (SUKANUN) dengan memperolehi 155 mata sekaligus mengalahkan 59 agensi badan berkanun lain. Dalam kejohanan tersebut, Pasukan DBKL menyertai 22 acara dan berjaya merangkul 3 pingat emas, 4 pingat perak dan 9 pingat gangsa. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua atlet dan pegawai yang telah bertungkus lumus memastikan kejayaan menjadi milik DBKL.





## TERIMA KASIH DATUK AZMI

15 September 2023

Bermula sebagai Pembantu Teknik pada tahun 1984, pada hari ini, YBhg Datuk Hj Azmi bin Abd Hamid, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL telah menamatkan perkhidmatan beliau di DBKL setelah mencurahkan bakti selama 39 tahun.

Bagi menghargai segala jasa atas perkhidmatan cemerlang beliau bersama DBKL, pada petang tadi

telah diadakan Majlis Lambaian Perpisahan di Lobi Menara 1 DBKL. Dalam sesi tersebut warga kerja DBKL telah mengambil kesempatan untuk memberikan ucapan terima kasih kepada beliau. Seluruh warga kerja DBKL mendoakan agar Datuk Azmi sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik dan berbahagia bersama keluarga tersayang.

Semoga segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan bersama DBKL diberkati dan diberikan balasan yang setimpal dari yang maha esa.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah, YBhg. Datuk Sr. Hj Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBrs. Tuan Hj. Mohamad bin Hamim, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL, ketua-ketua jabatan dan warga kerja DBKL.

Kuning Emas Masaknya Padi,  
Mawar Merah dalam Jamban

## FESTIVAL KL GENTA 2023

17 September 2023

Pada malam semalam bertempat di Dataran Merdeka telah berlangsungnya Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur 2023 (KL GENTA 2023).

Festival KL GENTA 2023 merupakan merupakan penganjuran kali ketujuh bermula pada tahun 2014. Festival ini berkonsepkan persembahan kesenian pergendangan dan tarian tradisi yang mempamerkan keunikan muzik pergendangan, budaya, busana, kostum serta seni warisan dari setiap negeri yang menyertai festival.

Pada edisi tahun ini, sebanyak lapan kumpulan persembahan yang terlibat iaitu daripada Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Kumpulan Kesenian Mah Meri Klang, Pertubuhan Seni Budaya Sabah, Kuala Lumpur dan Selangor (PERSENIBAH), Kumpulan Persatuan Chingay Pulau Pinang, Kumpulan Tarian/ Pergendangan Cina dan India dan Kumpulan Sumatera Etnik Medan, Indonesia.

Festival KL Genta ini juga turut disertai oleh Kumpulan Kesenian DBKL serta Pasukan Rebana Ubi dari Jabatan Penguatkuasaan DBKL dan artis budaya Malay World Cultural Paradise (MWCP Creative Troupe) dengan penampilan khas oleh Noraniza Idris.



[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)



KUALA LUMPUR PERPUSTAKAAN DIGITAL

